

GARIS PANDUAN PENAWARAN KURSUS ELEKTIF TERBUKA

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UnisZA)

**PUSAT PENGURUSAN KECEMERLANGAN & INOVASI
AKADEMIK**



1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada semua fakulti yang terlibat dalam penawaran kursus Elektif Terbuka peringkat Diploma dan Sarjana Muda di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- 1.2 Ia merangkumi kriteria penawaran dan kaedah pendaftaran kursus Elektif Terbuka.
- 1.3 Kursus Elektif adalah kursus yang boleh dipilih oleh pelajar sama ada mengikut struktur pengajian yang ditetapkan atau sebagai tambahan jam kredit diluar struktur pengajian.
- 1.4 Kursus Elektif dikategorikan sebagai :
 - a) Elektif Program - kursus pilihan mengikut struktur pengajian yang ditetapkan oleh program.
 - b) Elektif Terbuka - kursus pilihan yang ditawarkan oleh program dan/atau luar fakulti.

2.0 KRITERIA PENAWARAN KURSUS ELEKTIF TERBUKA UNIVERSITI

Kriteria penawaran kursus Elektif Terbuka Universiti bagi setiap fakulti adalah seperti berikut:

- 2.1 Kursus Elektif Terbuka Universiti yang baharu dicadangkan boleh terdiri daripada komponen kursus Teras Fakulti, Teras Program/Pengkhususan atau Elektif Program.



- 2.2 Kursus Elektif Terbuka sedia ada di dalam struktur program juga boleh ditawarkan sebagai kursus Elektif Terbuka Universiti.
- 2.3 Kuota penawaran kursus Elektif Terbuka Universiti kepada pelajar luar fakulti adalah mengikut ketetapan pemilik program (*program owner*) di peringkat fakulti.
- 2.4 Setiap program wajib menawarkan sekurang-kurangnya **SATU (1)** kursus Elektif Terbuka Universiti.
- 2.5 Kursus yang ingin ditawarkan sebagai kursus Elektif Terbuka yang tidak mempunyai pra-syarat.
- 2.6 Kursus yang ditawarkan ialah secara fizikal atau atas talian (contoh: *Massive Open Online Courses (MOOC)*, *Micro-Credential Course (MC)*)
- 2.7 Penawaran kursus mestilah mengikut kepada struktur kurikulum pemilik program (*program owner*) di peringkat fakulti.

3.0 PENETAPAN KURSUS ELEKTIF TERBUKA BAGI STRUKTUR PROGRAM AKADEMIK

Setiap program perlu mempunyai sekurang-kurangnya **SATU (1)** kursus Elektif Terbuka **DAN** minimum **DUA (2)** jam kredit daripada jumlah jam kredit komponen Kursus Elektif. Namun, program perlu mematuhi keperluan standard jika peratusan kursus Elektif Terbuka telah pun ditetapkan.